



Pengupayaan Tatabahasa Wacana Bahasa Melayu di Malaysia dan Singapura*

Sanat Mohd Nasir

Pengenalan

Kertas ini bertujuan untuk melihat pengupayaan tatabahasa wacana bahasa Melayu di Malaysia dan di Singapura. Untuk itu, dikemukakan konsep pengupayaan dan konsep wacana, analisis wacana dan hubungannya dengan konsep tatabahasa wacana. Dimuatkan latar belakang ringkas wacana dan penelitiannya sama ada di luar negara atau di dalam negara sebelum menjurus kepada tumpuan kajian kertas ini. Dari segi tumpuan bahan, kertas ini mengambil perhatian bahawa di Malaysia hanya di Rancangan Bahasa Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial dan seterusnya di Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya yang memulakan mata kursus Tatabahasa Wacana Bahasa Melayu sejak sesi 1993/1994. Malah, pada sesi 2003/2004 kursus Tatabahasa Wacana Bahasa Melayu Lanjutan ditawarkan di jabatan tersebut. Oleh itu, penyelidikan dan penerbitan di jabatan itu dijadikan asas analisis. Di Singapura pula hanya di Jabatan Bahasa dan Budaya Melayu, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang dijadikan asas penelitian memandangkan kursus analisis wacana baru dimulakan di peringkat sarjana pada awal 2007 ini. Di akhir kertas ini, dimuatkan jangkaan bidang ini di kedua-dua institusi dan negara.

Konsep

Konsep pengupayaan di sini merujuk kepada usaha mewujudkan dan mengembangkan tatabahasa wacana bahasa Melayu melalui penawaran kursus dan penerbitan.

Wacana berasal daripada perkataan wacana berasal daripada bahasa Jawa woco-no. Wocono pula daripada woco yang bermaksud baca. Dalam bahasa Inggeris, discourse berasal daripada bahasa Latin discursus yang bermakna 'larian ke dan dari'. Menurut Chafe, wacana digunakan dengan pelbagai maksud oleh pelbagai pengkaji. Tetapi, pada umumnya wacana dilihat sebagai sesuatu yang melampaui sempadan ayat yang terpisah-pisah. Wacana dan teks digunakan saling bertukar ganti, dan kedua-duanya merujuk kepada unit bahasa yang lebih besar daripada ayat. Dan, wacana, menurut beliau lagi, merujuk kepada kajian tentang unit tersebut, cabang lin-

* Makalah ini dibentangkan di Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-3 2007 di UPM, Serdang pada 13-14 November 2007.

guistik yang setara dengan cabang yang lain seperti morfologi atau sintaksis. Menurut Trask, wacana dikatakan sebagai siri ujaran yang bersambungan oleh seorang penutur atau lebih. Crystal menyatakan wacana dalam linguistik merujuk kepada jujukan bahasa (biasanya lisan) yang lebih besar daripada ayat. Crystal juga mendefinisikan wacana sebagai unit perlakuan. Unit ini mempunyai status prateori dalam linguistik, iaitu seberkas ujaran yang terdiri daripada peristiwa bahasa seperti perbualan, khutbah dan temu duga. Cook mendefinisikan wacana sebagai bahasa dalam penggunaan dan untuk perhubungan (Sanat, 2002:35-36). Dijk (1997: 1-34) menyatakan konsep wacana kabur kerana tentang fenomena yang rencam. Namun, wacana menurut beliau suatu bentuk penggunaan bahasa yang melibatkan komunikasi dan interaksi. Werth (1999: 1) pula melihat wacana sebagai suatu peristiwa bahasa yang sempurna yang mempunyai awal dan akhir. Menurut Johnstone, B. (2002:2-4), wacana dilihat sebagai contoh sebenar komunikasi melalui bahasa. Wacana juga dalam bentuk jamak merujuk kepada pola kepercayaan dan tindakan lazim di samping pola bahasa. Wacana demikian merujuk kepada idea dan cara bertutur sehingga dapat mempengaruhi dan dipengaruhi. Menurut Schiffrin et. al (2003:1), wacana mempunyai makna yang berbeza kepada pakar yang berbeza bidang. Kepada ahli bahasa, wacana biasanya didefinisikan sebagai apa sahaja yang melampaui ayat. Malah, definisi wacana itu dapat dirangkumkan kepada tiga kategori besar, iaitu yang melampaui ayat, penggunaan bahasa, dan amalan sosial yang meliputi bukan linguistik dan bukan tentu bahasa. Mereka melihat wacana dan analisis wacana sebagai sama.

Dapat disimpulkan di sini bahawa wacana sebagai unit tertinggi bahasa yang melampaui ayat dan kajian tentang unit tersebut. Sebagai unit bahasa yang tertinggi, wacana dapat direalisasikan dalam pelbagai bentuk sehingga meliputi peristiwa bahasa. Sebagai kajian, wacana memfokuskan pada unit tertinggi bahasa itu sehingga meliputi amalan sosial.

Analisis wacana menurut Johnstone, B. (2002:2-4), memfokus kepada proses memecahkan wacana kepada bahagian kecil dengan berdasarkan kriteria tertentu dan melihat ciri setiap bahagian itu. Selain melihat ciri struktur bahagian itu, analisis wacana juga melihat fungsi bahagian itu. Menurut beliau, analisis wacana sekadar metodologi.

Dijk, T. A. V. (Schiffrin et. al, 2003:352) melihat analisis wacana peringkat kritis sebagai sejenis kajian analisis wacana yang berfokus pada cara penyalahgunaan kuasa sosial, penguasaan dan ketidaksetaraan dimuatkan, ditampilkan dan dipertahankan melalui wacana dalam konteks sosial dan politik. Penganalisis wacana kritis mengambil pendirian yang jelas untuk memahami ketidaksetaraan sosial sehingga sanggup mendedahkan dan memeranginya.

Wacana sebagai unit bahasa yang terbesar dianalisis melalui analisis wacana. Analisis wacana pula berkaitan dengan pandangan bahasa (Sanat, 2005a:131-132). Ada tiga pandangan bahasa pada umumnya: Pandangan positivisme-empiris yang melihat bahasa sebagai jambatan antara manusia dengan objek di luar dirinya. Analisis wacana dalam konteks pandangan ini tidak melihat makna subjektif atau nilai yang mendasari pernyataan. Sebaliknya, makna pernyataan dilihat sebagai kebenaran atau ketidakbenaran sesuatu wacana dari segi tataaturan tatabahasa, seperti tautan dan runtutan.

Pandangan konstruktivisme menolak pandangan positivisme-empirisme yang memisahkan subjek dengan objek. Subjek dianggap sebagai faktor utama dalam kegiatan wacana serta hubungan sosialnya. Subjek memiliki kemampuan untuk men-

guasai maksud tertentu dalam setiap wacana. Oleh itu, analisis wacana dimaksudkan sebagai suatu analisis untuk membongkar maksud dan makna tertentu daripada pernyataan subjek.

Pandangan kritis membetulkan pandangan konstruktivisme yang kurang sensitif kepada proses produksi dan reproduksi makna yang terjadi secara historis dan institusional. Bahasa dalam pandangan kritis difahami sebagai representasi yang berperanan dalam membentuk subjek tertentu, topik wacana tertentu, mahupun strategi di dalamnya. Oleh itu, analisis wacana dipakai untuk membongkar kuasa yang ada dalam setiap proses bahasa.

Di sini, jelas analisis wacana bermaksud sebagai metodologi untuk melihat sama ada makna pernyataan sebagai kebenaran atau ketidakbenaran wacana, membongkar maksud dan makna tertentu daripada pernyataan subjek, atau membongkar kuasa dan ketidaksetaraan sosial yang ada dalam setiap proses bahasa.

Konsep tatabahasa wacana pula dalam kertas ini selain sebagai tatabahasa yang mencakupi unit tertinggi bahasa, iaitu wacana, juga mengambil kira asas penggunaan bahasa yang mengambil kira koteks dan konteks yang cukup luas sehingga memungkinkan pengguna peka teks, koteks, dan konteks amalan sosial dan amalan agama. Dengan kata lain, tatabahasa seperti ini dikenali sebagai tatabahasa wacana mega (Sanat, 2005 dan 2006). Konsep tatabahasa ini sama dengan analisis wacana dari segi cakupan tumpuan pada wacana tetapi berbeza dari segi konteks amalan dan metodologi. Metodologi analisis wacana sekadar menganalisis yang menurut Johnstone, B. (2002:2-4) merujuk kepada proses analisis secara eksplisit, sama ada mental atau mekanikal dalam memecahkan sesuatu kepada bahagian kecil.

Latar Belakang Wacana

Menurut Sanat Md. Nasir (2002:1-8 dan 12-18), wacana sebagai bidang kajian mempunyai sumber sejarahnya yang panjang, iaitu bermula dengan peradaban keagamaan yang mengkaji kitab agama, seperti teks Veda sejak 1200-1000 S.M. Malah, jika disorot lagi, zaman suhuf-suhuf dan risalah nabi-nabi Allah jauh lebih awal, seawal Nabi Adam.

Dalam tradisi Barat pula, wacana mendapat sumber sejarahnya daripada retorik klasik seawal abad kelima sebelum Masihi. Bidang ini mendapat tumpuan dalam aliran linguistik awal oleh Aristotle (384-322 S.M.) melalui retorik dan seterusnya, aliran Stoik oleh Zeno pada 300 S.M.

Retorik klasik mula malap dengan munculnya linguistik sejarah dan perbandingan pada awal abad ke-19. Pada awal abad ke-20 lahir aliran struktural yang mempengaruhi formalis Rusia dan strukturalis aliran Praha seperti pada *Morphology of the Folktale* oleh Propp (1928) dan tentang perspektif ayat tugas oleh Mathesius (1939). Daripada beliaulah lahir konsep struktur tema dan struktur maklumat yang menjadi asas runtutan teks.

Di Great Britain, telah berkembang aliran Firth (1935) yang menghubungkan bahasa dengan sekitarnya melalui konsep keperihalanan keadaan Malinowski. Di

Amerika Syarikat pula terdapat tulisan yang menggunakan ungkapan analisis wacana oleh Harris (1952). Beliau menggunakan prosedur formal tentang penyebaran struktur kelas keserupaan yang melebihi ayat.

Analisis wacana moden bermula pada pertengahan 1960-an dengan terbitnya analisis struktural wacana di Perancis. Di Amerika Syarikat terdapat aliran tagmemik yang dipelopori oleh Pike, etnografi pertuturan oleh Hymes dan aliran tatabahasa stratifikasi oleh Lamb. Di Jerman pula, muncul aliran linguistik teks oleh Hartmann. Dan di Great Britain, wujud aliran tatabahasa fungsional oleh Halliday yang seterusnya dikenali dengan linguistik sistemik. Halliday (1962) dalam artikelnya, "Descriptive Linguistics in Literary Studies", dikatakan telah membuat pernyataan awal tentang tautan yang seterusnya kepada pemahaman struktur wacana. Ruqaiya Hassan (1964) dalam tesis Ph.D-nya memperkukuh konsep tautan Halliday tersebut. Pemuka aliran stratifikasi,

Gleason (1968), berpendapat dalam struktur wacana terdapat dua konstituen semologi, iaitu jalur peristiwa dan jalur peserta. Menurut beliau, tautan berada dalam jalur peserta. Dekad 1960-an ini menandakan perkembangan awal analisis wacana moden yang lebih bersifat deskriptif dan struktural terhadap genre wacana popular atau peribumi. Aliran ini bergerak bebas dan bertentangan dengan aliran linguistik semasa, iaitu tatabahasa transformasi generatif.

Analisis wacana pada dekad 1970-an merupakan analisis secara sistematis dalam disiplin yang sama atau antara disiplin. Perkembangan ini merupakan tentangan terhadap tatabahasa formal dan bebas konteks transformasi generatif. Antara terbitan yang besar dalam tempoh itu ialah Halliday dan Hasan (1976). Mereka menghasilkan *Cohesion in English* yang oleh Brown dan Yule (1983:190) dikatakan paling komprehensif dan piawai dalam bidang tautan. Malah, dalam Sanat (2002:18) terdapat kesimpulan bahawa daripada 17 buah disertasi Ph.D di luar negara tentang tautan sehingga 1993, 15 buah daripadanya menggunakan kerangka sistemik *Cohesion in English*.

Dekad 1980-an dan awal 1990-an menjadikan analisis wacana lebih padu dan berkembang, dan pada waktu yang sama merencam dan mengkhusus. Antara terbitan yang besar dalam tempoh tersebut ialah Beugrande dan Dressler (1981), *Introduction to Text Linguistics*, Longacre (1983), *The Grammar of Discourse*, Halliday (1985), *An Introduction to Functional Grammar*, Martin (1992), *English Text: System and Structure*, dan Cook (1994), *Discourse*.

Jika dilihat perkembangan pada dekad pertengahan 90-an dan awal abad ke-21, didapati analisis wacana memasuki tahap kritis seperti dalam Fairclough (1995, 2001 dan 2003).

Malah, beliau telah menghasilkan karya lebih awal daripada itu seperti *Discourse and Social Change* pada 1992. Seperti yang dinyatakan di atas, analisis wacana ini lebih menumpukan pada usaha membongkar kuasa yang ada dalam setiap proses bahasa kerana bahasa dilihat sebagai representasi yang memproduksi dan mereproduksi makna.

Latar Belakang Wacana Bahasa Melayu

Menurut Sanat Md. Nasir (2002: 9-12), kajian wacana bahasa Melayu masih baru. Ada pendapat yang mengatakan Muhammad Yunus Maris (1966) merupakan perintis analisis wacana dalam bahasa Melayu dengan menggunakan teknik keperihalanan keadaan untuk menerangkan penggunaan ganti nama.

Setakat yang terkumpul, Harimurti Kridalaksana (1970: 1), menulis makalah beliau "NYA sebagai penanda anafora". Pada tahun 1978, beliau telah menulis kertas kerja yang bertajuk "Keutuhan Wacana" dan diterbitkan sebagai artikel dalam Jurnal Dewan Bahasa. Artikel itu membahaskan keutuhan wacana sebagai salah satu aspek analisis wacana. Penelitian beliau kelihatan terpengaruh dengan aliran tagmemik dan linguistik teks. Demikianlah juga aliran tagmemik digunakan dalam Ph.D. Ajamiseba (1978).

Kerancangan penyelidikan tentang wacana bahasa Melayu berlaku dalam tahun 1980-an, iaitu sepuluh tahun selepas wacana sebagai satu disiplin rancak di Eropah dan di Amerika Syarikat. Pemaparan penyelidikan itu berupa artikel, disertasi dan buku. Asmah (1980a dan 1980b) telah menulis dua buah artikel dalam Jurnal Dewan Bahasa, yang masing-masing bertajuk "Analisis Wacana" dan "Pengajaran Bahasa untuk Kemahiran Berkomunikasi: Pendekatan Wacana". Dalam artikel yang pertama itu, beliau telah menunjukkan penggunaan tiga jenis analisis wacana, iaitu kaedah Harris, kaedah Becker, dan kaedah Sinclair dan Coulthard. Artikel lain seperti Lufti Abas (1982) dan Soenjono Dardjowidjojo (1985).

Selain yang berbentuk artikel, penyelidikan wacana juga telah dilakukan secara serius di peringkat latihan ilmiah, sarjana dan kedoktoran. Daripada bibliografi latihan ilmiah yang diusahakan oleh Ismail (1994) dari tempoh 1977 hingga 1994, didapati latihan ilmiah yang berkaitan dengan wacana hanya muncul mulai tahun 1984. Terdapat 14 buah latihan ilmiah tentang kajian wacana sejak tahun tersebut hinggalah tahun 1989.

Penelitian di peringkat sarjana sepanjang tempoh tahun 1980-an setakat yang terkumpul ialah Sucipto (1987) dan Wong (1988). Sucipto melihat unsur tautan maknawala Wong, kesinambungan topik.

Di peringkat disertasi kedoktoran pula, termasuklah Abdul Aziz Idris (1982), Farrerty (1982), Azhar M. Simin (1983), dan Tallei (1988). Abdul Aziz berfokus pada aspek struktur tema dan sistem hubungan logikal dalam teks pendedahan bahasa Melayu dan Inggeris. Rafferty pula melihat struktur wacana bahasa Indonesia yang dituturkan oleh orang Cina di Malang, Indonesia. Azhar pula meneliti sintaksis wacana yang dalam bahasa Malaysia sedangkan Tallie, dengan menggunakan pendekatan analisis wacana, cuba mengkaji keterpaduan, keruntutan, dan keterbacaan wacana buku pelajaran bahasa Indonesia di peringkat sekolah dasar.

Penelitian wacana sepanjang tahun 1980-an dalam bentuk buku dan sebahagian daripada buku dapat dilihat seperti dalam Asmah (1987: 108-127) tentang teks saintifik, Tarigan (1987) Pengajaran Wacana dan Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia (1988: 334-360).

Dekad awal 1990-an diperteguh dengan kerancakan penelitian tentang wacana bahasa Melayu seperti yang ditunjukkan oleh peneliti berikut. Sato (1991) menghasilkan tesis Ph.D. dengan tajuk "Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah". Tumpuan beliau pada hubungan antara susunan ayat yang logikal dengan susunan maklumat. Perhatian juga diberikan terhadap analisis tetenunan dalam ayat yang berkaitan dengan hubungan tersebut.

Soeseno (1992) dalam syarahan perdana sempena pengukuhan beliau sebagai profesor telah memilih tajuk "Analisis Wacana dan Penerapannya". Dalam syarahan itu, beliau secara meluas menyentuh topik-topik seperti analisis wacana sebagai cabang ilmu bahasa, perbezaan antara wacana lisan dengan tulisan, konteks situasional, prinsip interpretasi lokal dan analogi, implikatur, presuposisi, inferensi, referensi, pronominal, kohesi, koherensi dan pengetahuan tentang dunia. Di hujung syarahan beliau itu, ada dimuatkan contoh-contoh analisis wacana.

Manakala peneliti lain yang menghasilkan artikel atau kertas kerja, seperti Samhuri (1992), Ramlan (1992), Ebah (1992), Wong (1992;1993), Sanat (1992;1994;1995a dan 1995b;1996a dan 1996b), Dede Oetomo (1993), Ismail (1993;1994) dan Zahrah (1995).

Jika ditinjau dari segi penghasilan latihan ilmiah dalam bidang ini bagi tempoh 1990 hingga 1994 di Malaysia, terdapat 17 buah, iaitu 15 buah dari Jabatan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia, dan dua buah dari Rancangan Bahasa Melayu, Universiti Malaya. Dua buah latihan ilmiah itu terdiri daripada Hasnah (1994), "Analisis Tautan dalam Wacana Bahasa Melayu" dan Tan (1994), "Tautan dalam Bahasa Melayu". Kedua-dua latihan ilmiah tersebut menggunakan kerangka Halliday dan Ruqaiya Hasan (1976).

Seperti yang telah dinyatakan di atas, wacana sebagai bidang kajian dalam penelitian bahasa Melayu masih baru. Hal ini berlaku kerana beberapa sebab. Antaranya, wacana sebagai satu disiplin hanya berlaku pada tahun 1970-an di Eropah dan di Amerika Syarikat. Biasanya, kesannya akan memakan waktu antara 5 hingga 10 tahun untuk sampai ke sini. Pada waktu yang sama, aliran transformasi generatif yang dipelopori Chomsky masih kuat bertapak sehingga kebanyakan ahli bahasa kita yang belajar di peringkat kedoktoran dalam tempoh itu telah terpengaruh dengan aliran tersebut. Selain itu, kajian wacana sebagai mata kursus peringkat sarjana muda di universiti tempatan masih belum menyeluruh. Lufti, Sanat dan Nuwairi (1985) telah membuat tinjauan tentang pengajaran linguistik di Malaysia dari segi konsep dan aliran, dan didapati hanya Jabatan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia yang ada menawarkan kursus tersebut. Bahkan, kursus itu pun dianggap umum sebab sekadar menyatakan topik tentang teori sintaksis yang boleh dilihat daripada aliran lain yang bukan wacana, seperti tranformasi generatif.

Pada awal tahun 1990 diberitahu bahawa di IKIP Malang, Unika Atma Jaya dan di Universitas Indonesia di Indonesia masih belum ada kursus seumpama itu di peringkat ijazah pertama. Demikian juga di Jabatan Pengajian Melayu, National University of Singapore. Sebaliknya, Pengajian Bahasa Malaysia, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia sudah menawarkan kursus "Analisis Wacana" di peringkat ijazah dasar bagi sesi 1989/90. Di Rancangan Bahasa Melayu, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya kursus tersebut hanya dapat dimulakan pada sesi 1993/94 dengan tajuk "Tatabahasa Wacana Bahasa Melayu". Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Bahasa Moden, Universiti Pertanian Malaysia belum lagi menawarkan kursus yang seumpama itu pada sesi 1995/96.

Analisis

Di atas telah dinyatakan bahawa di Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dimulakan mata kursus Tatabahasa Wacana Bahasa Melayu sejak sesi 1993/1994. Malah, pada sesi 2003/2004 kursus kursus Tatabahasa Wacana Bahasa Melayu Lanjutan ditawarkan di jabatan tersebut. Seterusnya, sejak sesi 1993/1994 ditunjukkan terdapat dua buah latihan ilmiah yang terdiri daripada Hasnah Mat Adnan (1994), "Analisis Tautan dalam Wacana Bahasa Melayu" dan Tan Wee Pheng (1994), "Tautan dalam Bahasa Melayu". Di sini, dikemukakan seterusnya sumbangan dalam bidang tatabahasa wacana dalam bentuk tahun, nama pengarang dan tajuk di samping jenis penerbitannya.

Pada tahun 1996, Sanat Md. Nasir, Sanat Md. Nasir, "Tautan Dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar", tesis Ph.D Universiti Malaya, Sanat Md. Nasir, "Wacana Sulalatus Salatin Dan Imam: Dari Perspektif Tautan", penerbitan artikel dalam Safrin, Subhilhar dan Sudirman (ed) Tradisi Dan Kemodernan, Universitas Sumatera Utara, Medan, Sanat Md. Nasir, "Kewacanaan Za'ba" dalam Wan Abdul Kadir (ed) 100 Tahun Za'ba: Pejuang Bangsa, Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur.

Pada tahun 1997, Sanat Md. Nasir, "Tautan Penghubung Ayat Dalam Wacana Bahasa Melayu: Suatu Analisis Tentang Rencana Pengarang Utusan Zaman Akhir Dekad 1950-an dan 1960-an" dalam Indirawati Zahid (ed), Monograf Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur, Sanat Md. Nasir, "Yang Terabai Dalam Penulisan Tatabahasa Bahasa Melayu" dalam Indirawati Zahid (ed), Monograf Jabatan Bahasa Melayu, Siri Kedua, Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur, Sanat Md. Nasir, "Pengajaran Bahasa Melayu Mengikut Pendekatan Wacana" dalam Indirawati Zahid (ed), Monograf Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur, Sanat Md. Nasir, "Pengajian Tatabahasa Wacana Bahasa Melayu Dari Perspektif Sejarah dan Prospeknya" dalam Nuwairi Hj. Khaza'ai dan Wong Khok Seng (ed), Pengajian Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur, dan Sanat Md. Nasir, "Wacana Cerpen Melayu: Analisis Struktur Maklumat" dalam Norazit Selat dll (ed), Meniti Zaman Masyarakat Melayu Antara Tradisi & Moden, Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur.

Pada tahun 1998, Azizah Abdul Hamid, "Analisis Penulisan Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Rendah-Satu Perspektif Wacana", Naesah Osman, Analisis Struktur Maklumat Dan Unsur Tautan Dalam Imam, dan Siti Norngaliah Mohd. Salihin, "Keterbacaan Teks Berdasarkan Ciri-Ciri Ketekstualan", latihan ilmiah.

Pada tahun 1999, Abd. Razak Mohamad Yusof, "Analisis Unsur Tautan Dalam Skrip Drama Melayu", Shahariman Ahmad, "Analisis Tautan Genre Cerpen Dan Rencana: Aplikasi Model Tautan Pindaan (1996)", Shamsudin Othman, Analisis Sajak: Aplikasi Model Tautan Pindaan", dan Siti Khainorliza Mohd. Nordin, "Tautan Penghubung Ayat: Satu Perbandingan Analisis Teks Lama Dan Teks Baru", latihan ilmiah.

Pada tahun 2000, Mohd. Rashid Md. Idris, "Analisis Wacana Cerpen 1950-an Dari Perspektif Struktur Maklumat Dan Struktur Tema", kertas projek ijazah sarjana.

Pada tahun 2001, Jamal Iskandar Ismail, "Struktur Tema Dan Tautan", latihan ilmiah, Azahar Md. Sabil, "Warkah Melayu Lama: Satu Penerapan 'Teori' Atqakum", kertas projek ijazah sarjana dan Dulitah Salmi @ Nur Aisyah Abdullah, Analisis

Struktur Maklumat Dalam Cerpen 'Pertemuan Di Cedar Rapids', kertas projek ijazah sarjana muda.

Pada tahun 2002, Suryani Atan, "Tautan Perulangan Dalam Wacana Cerpen Melayu: Analisis Perbandingan Cerpen-Cerpen Konvensional, Peralihan Dan Absurd" dan Zelda Mohd. Ibrahim, "Kewacanaan Rubai Hamzah Fansuri", latihan ilmiah, Hasnah Mat Adnan, "Analisis Tautan Dan Runtutan", tesis sarjana, dan Sanat Md. Nasir, Tautan Dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Pada tahun 2003, Sanat Md.Nasir, "Undang-undang Sastera, Sastera Undang-undang dan Undang-undang Bahasa" dalam Mohamad Mokhtar Hassan et.al (ed), Kesusasteraan Dan Undang-Undang. Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur.

Pada tahun 2004, Alice Alim, "Analisis Tautan Perulangan Dalam Lirik Lagu Melayu Moden", Asnia Adas, "Tautan Perulangan: Perbandingan Antara Buku Teks Singapura Dengan Malaysia", Jamil Akok, "Wacana Dalam Novel Salina: Kajian Dari Aspek Tautan", Norhayati Othman, "Tautan Penghubung Ayat: Analisis Perbandingan Teks Ucapan Dr.Mahathir Mohamad Dekad 1980-an Hingga 2000-an", Nuridahyu Mohamed Noor, "Tautan Perulangan Dalam Wacana Cerpen Masuri S.N.", dan Rohasan Mansor, "Perbandingan Tautan Penghubung Ayat: Teks Manja Dari Singapura Dengan Teks Nona Dari Malaysia", latihan ilmiah, Siti Norngalial Mohd. Salihin, "Nyanyi Sunyi Amir Hamzah: Analisis Runtutan" disertasi sarjana sebahagian, dan Sanat Md.Nasir, "Wacana Hikayat Hang Tuah Dan Hikayat Zulkarnain: Satu Perbandingan" dalam Rogayah Hamid & Mariam Salim (ed), Epik Melayu: Satu Kajian Naskah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Pada tahun 2005, Suryani Atan, "Elipsis Dalam Wacana Lisan", tesis sarjana, Sanat Md.Nasir, " 'Teori' Atqakum Dalam Pemikiran Pengajian Bahasa Melayu", dalam. Hashim Musa (ed.), Bahasa Dan Pemikiran Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur, Sanat Md.Nasir, " Ucapan Bajet 2006 oleh Perdana Menteri Malaysia: Analisis Wacana Kritis Plus dalam Perbandingan", dalam. Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 16.

Pada tahun 2006, Sanat Md.Nasir, " Mencari Melayu Dalam Analisis Wacana Kritis, Retorik Dan Kesantunan ", dalam. Kamsiah Abdullah et. al (ed.), Budaya:Memeluk Akar Menyuluh ke Langit, Jabatan Bahasa dan Budaya Melayu, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura, dan Sanat Md.Nasir, " Wacana Pantun Melayu" dalam. Hashim Awang et. al (ed.) Wacana Budaya, Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur.

Di Jabatan Bahasa dan Budaya Melayu, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura, ditawarkan kursus analisis wacana di peringkat sarjana mulai awal 2007. Sehingga ini, kursus tersebut telah ditawarkan dua kali. Yang berikut ialah pernyataan modul kursus yang sampai ke peringkat wacana kritis:

"This module focused on how is discourse used to structure social processes and institutions. It introduces students to discourse analysis with a specific focus on critical discourse analysis (CDA) as a method of data analysis in literacy studies and educational research."

Namun begitu, kursus tersebut lebih memberatkan aspek tatabahasa wacana sehingga kepada tatabahasa wacana mega. Lihat Lampiran tentang rangka kursus yang berdasarkan minggu. Pelajar kursus sarjana tersebut dikehendaki membuat tugas masing-masing sepanjang kursus sebagai penilaian. Didapati mereka dapat menyerap dan mengaplikasikannya di dalam bilik darjah khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran tatabahasa dan karangan.

Pada tahun 2007, Sanat Md.Nasir, "Analisis Wacana Lidah Pengarang Berita Harian Singapura dan Berita Harian Malaysia" dalam. Paitoon M. Ch. (ed.) Prosiding Persidangan Persatuan Linguistik Asean (PLA) di Cheng Mai, Thailand dan Sanat Md.Nasir, "P&P Karangan Dan Kosa Kata Dalam Pemerhatian Terhadap Guru Pelatih Di Singapura: Penyelesaian Melalui Tatabahasa Wacana" dalam Prosiding Mengajar dan Belajar Bahasa Melayu Ke-3, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.

Kesimpulan

Jika dilihat dari segi penerbitan, didapati pada tahun 2006 dan 2007 Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya tidak lagi menghasilkan penerbitan yang berkaitan dengan wacana sama ada di peringkat latihan ilmiah atau disertasi/tesis sarjana. (1) Dirasakan pengupayaan tatabahasa wacana di institusi ini mulai terjejas. Sebaliknya, di Jabatan Bahasa dan Budaya Melayu, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura mulai mengembang. Hari yang mendatang mungkin akan ditawarkan tatabahasa wacana di peringkat sarjana muda sebagai asas kepada kursus di peringkat sarjana. Sehingga kini, terdapat dua orang yang menekuni bidang wacana di peringkat Ph.D. Ada usaha untuk mewujudkan tatabahasa baku bahasa Melayu yang bersifat fungsional dan sampai ke peringkat wacana sebagai unit bahasanya.

Rujukan

Fairclough, N., (1992). *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.

Fairclough, N., (1995). *Critical Discourse Analysis*. London: Longman.

Fairclough, N., (2001). *Language and Power*. Edisi Kedua, London: Longman.

Fairclough, N., (2003). *Analysing Discourse*. London: Routledge.

Johnstone, B., (2002). *Discourse Analysis*. Oxford: Blackwell Publishers.

Sanat Md. Nasir, (2002). *Tautan Dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sanat Md.Nasir, (2005). “ ‘Teori’ Atqakum Dalam Pemikiran Pengajian Bahasa Melayu”, dlm. Hashim Musa (ed.), *Bahasa Dan Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Sanat Md.Nasir, (2006). “ Mencari Melayu Dalam Analisis Wacana Kritis, Retorik Dan Kesantunan “, dalam. Kamsiah Abdullah et. al (ed.), *Budaya: Memeluk Akar Menyuluh ke Langit*. Singapura: Jabatan Bahasa dan Budaya Melayu, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang.

Schiffrin et.al , (2003). *The Handbook of Discourse Analysis*. (Ed) kulit nipis, Oxford: Blackwell Publishing.